



Kenaikan gas di UK ujian supaya berjimat

JIKA di Malaysia, isu kenaikan harga petrol memenuhi hampir semua ruang perbincangan dan perdebatan pengguna. Keadaan sama di United Kingdom (UK) berikutan kenaikan kadar harga gas pada 1 Mac lalu yang mencecah 70 peratus dan khabarnya akan terus meningkat lagi dalam tempoh terdekat.

Ini yang merunsingkan banyak pihak di UK. Kenaikan terbaru dikatakan akan turut mencecah 70 peratus juga, sekali gus membuatkan ramai mula berkerut dahi, menggigit jari tanpa mengira status sosial.

Pastinya kenaikan kadar tenaga seperti gas juga elektrik ini tidak disukai banyak pihak, terutama golongan yang kurang berkemampuan. Sebelum ini, ramai mengharapkan supaya British Gas, sebagai pembekal gas terbesar, cuma mengenakan kadar kenaikan yang munasabah.

Ini sebenarnya fenomena global sehingga kenaikan dilakukan British Gas baru-baru ini, sebagai kenaikan tertinggi dalam sejarah syarikat itu dan ia amat 'menggerunkan'.

Meskipun, kenaikan demi kenaikan harga tenaga melanda seluruh dunia seperti dilaporkan akhbar *The Independent*, pengguna di UK masih membayar pada kadar antara yang terendah di benua Eropah berbanding negara jiran seperti Jerman, Perancis dan Itali.

Perbandingan itu, sekurang-kurangnya memberi sedikit berita gembira kepada pengguna di UK. Apa pun, kenaikan yang berlaku tetap menjadi satu kenaikan yang tidak dialu-alukan oleh orang ramai di sini.

Di negara empat musim seperti UK, penggunaan gas bukan hanya terhad untuk kegunaan memasak saja. Pada musim sejuk, penggunaan gas amat

perlu untuk membekal haba kepada 'heater' atau alat pemanas yang amat penting bagi memanaskan bahagian dalam premis seperti rumah, pejabat dan bangunan perniagaan.

Statistik menunjukkan, penghinaan rumah di UK saja mencatatkan sehingga 60 peratus daripada keseluruhan jumlah tenaga yang digunakan dalam aktiviti domestik Britain.

Secara umumnya, di UK seperti dilaporkan oleh Energy Trends Mac 2008, penggunaan gas menjelang akhir 2006 hingga awal 2007 (iaitu sebelum kenaikan kadar) menunjukkan peningkatan kadar penggunaan tertinggi memandangkan kadar ditawarkan lebih rendah berbanding 2003 hingga 2004.

Selain faktor kadar harga, aktiviti ekonomi masyarakat yang bertambah, faktor saiz bangunan, kekerapan pemasangan alat pemanas serta sikap pengguna terhadap penggunaan gas adalah antara faktor mempengaruhi jumlah penggunaan gas di seluruh dunia.

Faktor inilah yang menjadikan gas sama pentingnya dengan elektrik, bahkan tidak salah jika dikatakan sama 'kritisalnya' dengan kegunaan petrol di Malaysia dan pastinya kenaikan kadar gas bukan berita gembira.

Dalam pada itu, penggunaan tenaga di seluruh dunia secara umumnya berbeza-beza

berdasarkan status negara dan aktiviti ekonomi sesebuah negara itu. Misalnya, di Amerika Syarikat jumlah tenaga yang digunakan seorang individu ialah 11.4W, manakala Jepun dan Jerman 6kW seorang.

Di negara membangun seperti India, penggunaan tenaga adalah dalam lingkungan 0.7kW. Pada tahap mana sekalipun penggunaan tenaga individu di sesebuah negara, pastinya itu bukan ukuran dari segi jumlah bayaran perlu ditanggung seseorang pengguna.

Kenaikan kadar gas atau elektrik di mana-mana juga, sungguhpun bersifat global, amat individu impaknya kepada setiap pengguna.

Dari segi penggunaan tenaga mengikut sektor pula, penggunaan tenaga paling besar adalah dalam bidang pertanian, perlombongan, pembuatan serta pembinaan dengan anggaran 37 peratus (15TW) daripada jumlah keseluruhan penggunaan tenaga dunia.

Pengangkutan komersial dan peribadi mencatat 20 peratus penggunaan tenaga dan pemanasan premis, pencahayaan serta penggunaan alat elektrik sebanyak 11 peratus. Pola penggunaan tenaga mengikut sektor ini menunjukkan secara

umumnya, penggunaan tenaga yang besar berlaku hampir di semua negara menjalankan apa juga bentuk kegiatan ekonomi.

Sama ada sektor pertanian atau aktiviti berbentuk pembuatan, masing-masing berkehendakkan jumlah tenaga yang tinggi untuk beroperasi.

Secara keseluruhannya, jangkaan penggunaan tenaga di seluruh dunia akan meningkat sebanyak 50 peratus dari 2005 ke 2030 nanti. Permintaan semakin tinggi serta keperluannya yang semakin mendesak membuatkan pengguna tidak boleh lari daripada

'terbabit' dalam sebarang bentuk kenaikan kadar yang merundingkan itu.

Di UK, pihak kerajaan menyarankan agar pengguna berjimat dalam menggunakan tenaga seperti gas. Peruntukan bil yang lebih boleh diutamakan ketika musim sejuk, tetapi untuk musim lain seperti musim panas, musim bunga dan musim luruh bolehlah mengajar diri untuk tidak memasang alat pemanas, terutama di siang hari.

Saranan yang sama turut diberikan Kerajaan Malaysia. Galakan berjimat dalam penggunaan semua bentuk tenaga diberikan dan sifat menghargai tenaga perlu dipupuk.

Laporan dalam *The Times* mengenai rungutan pengguna gas di UK yang berasaskan tidak adil bagi mereka membayar jumlah kenaikan itu, walaupun sudah berjimat sedaya yang mungkin dalam hal ini, kebijaksanaan dalam membuat keputusan tetap teruji. Jika kenaikan tidak dapat kita bendung, mengapa memilih untuk menggunakan tenaga secara tidak bijaksana?

Penulis ialah pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang kini sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom

“*Secara keseluruhannya, jangkaan penggunaan tenaga di seluruh dunia akan meningkat 50 peratus dari 2005 ke 2030 nanti. Permintaan semakin tinggi serta keperluannya semakin mendesak membuatkan pengguna tidak boleh lari daripada 'terbabit' dalam sebarang bentuk kenaikan kadar merundingkan itu*”